

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(B)66

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN AIR PUTIH
YB LIM GUAN ENG**

66. Nyatakan bilakah jajaran LRT ke Seberang Perai, Air Itam dan Tanjung Bungah akan diputuskan dan nyatakan bilangan stesen untuk tiga jajaran baru ini dan kos terbabit serta tempoh ia akan siap dibina.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

66. Projek Penang Transport Master Plan (PTMP) merupakan strategi pengangkutan jangka masa panjang bagi negeri Pulau Pinang yang sedang dilaksanakan secara berfasa. Fasa utama pelaksanaan adalah melalui pelaksanaan Projek LRT Pulau Pinang Laluan Mutiara dari Pulau Silikon ke Penang Sentral melalui Komtar dengan perbelanjaan antara RM10 bilion ke RM13 bilion.

Justeru, komponen-komponen lain di bawah PTMP termasuk Jajaran Air Itam dan Jajaran Tanjung Bungah masih di peringkat perancangan untuk pelaksanaan pada masa hadapan di mana setiap komponen ini sememangnya akan dikaji semula sewaktu pelaksanaan. PTMP menggariskan perkara-perkara strategik yang

perlu dikaji dan diperincikan mengikut fasa pelaksanaan yang akan ditentukan kelak. Kajian ini akan mengambil kira perubahan semasa dari segi keperluan dan juga teknologi terkini sewaktu tempoh pelaksanaan nanti.